

# 58 pegawai kanan UMS hadiri iLEAP Siri Ke-7

UB 1.9.2018 B7

LABUAN: Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) buat julung kalinya menjadi tuan rumah Integrated Leadership Excellence Acceleration Programme (iLEAP) peringkat Universiti Malaysia Sabah (UMS) Siri ke-7 2018.

Seramai 58 pegawai kanan (Gred 44-52) UMS menghadiri iLEAP yang diadakan di Student Learning Centre (SLC), UMSKAL pada 27-29 Ogos.

Pihak penganjur turut menjemput Ketua Pegawai Perunding MYLEAP Sdn Bhd Profesor Datuk Razali Mahfar sebagai penceramah jemputan.

Pendaftar UMS No'man Haji Ahmad turut mengikuti pembentangan dan perbincangan peserta bengkel.

Enam siri iLEAP sebelum ini diadakan di Kota Kinabalu.

Razali berkata menerusi program itu, lebih ramai pemimpin dan pentadbir kanan UMS dapat diketengahkan untuk menggantikan pegawai



**RAZALI**

yang bersara atau yang berpindah ke tempat lain.

Katanya, ia merupakan ruang dan peluang untuk pegawai kanan mengetahui lebih mendalam pelbagai jenis ilmu pengetahuan terutama isu-isu semasa yang berlaku di dalam dan luar negara termasuk isu yang berlaku di universiti awam dan swasta.

"Pegawai kanan UMS mesti mengambil tahu apa yang berlaku di persekitaran mereka terutama isu-isu semasa yang

berlaku di dalam dan luar negara. Perbincangan secara integrasi seperti ini memberi ruang dan peluang kepada mereka bertukar-tukar idea dengan rakan-rakan yang mempunyai kemahiran dan pengetahuan dalam pelbagai bidang," katanya.

Tambahnya, menerusi iLEAP, mereka dapat berkongsi idea untuk mengurus UMS dengan lebih baik termasuk kepimpinan dan pengurusan selain bidang mereka sendiri.

Beliau berharap peserta program itu akan lebih bersedia untuk mentadbir UMS pada masa akan datang termasuk cara untuk menjana pendapatan dan mengurangkan kos perbelanjaan sedia ada.

"UMS mempunyai barisan pemimpin dan pentadbir yang berwibawa. Saya berharap menerusi iLEAP ini, mereka akan menimba lebih banyak pelbagai jenis ilmu pengurusan dan kepimpinan," katanya yang mempunyai pengalaman lebih 30 tahun dalam industri,

syarikat global dan GLC.

Semasa bengkel peserta mengadakan kerja kumpulan, pembentangan dan bertukar-tukar pandangan serta sesi soal jawab dari jam 8.30 pagi hingga 4.30 petang.

Sementara itu, No'man bersama Razali, Pengarah UMSKAL Prof Madya Dr Murnizam Haji Halik serta Timbalan Pendaftar Kanan UMSKAL Zamri Haji Mohamad Tuah menyertai dua program iaitu, Jom Sihat iaitu Campus Trail sejauh 2.8km dan bola tampar pantai selain senamrobik di pekarangan Menara UMSKAL pada hari kedua bengkel itu.

Salah seorang peserta, Roslan Gimba berkata iLEAP adalah landasan kepada pegawai untuk memperkayakan diri dengan ilmu pengetahuan kepimpinan organisasi tahap tinggi.

"Melaluinya dapat menganalisis, menimbang dan merumuskan langkah strategik meningkatkan pencapaian kepimpinan UMS di peringkat



**PESERTA** semasa mendengar pembentangan hasil kajian ahli kumpulan.

antarabangsa," katanya yang juga timbalan pendaftar di Fakulti Pertanian Lestari, UMS Kampus Sandakan.

Penolong Pendaftar Kanan Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar UMS Hayati Salleh Baihaki pula berkata program itu memberikan pendedahan dan melatih peserta untuk merancang secara strategik.

Selain itu, antara elemen

yang ditekankan kepada peserta adalah pemikiran kritis dan analitikal.

"Kami juga didedahkan kepada 'case study' di peringkat antarabangsa dan dilatih untuk mengupas isu-isu semasa yang dihadapi oleh universiti secara global," katanya.

Sementara itu, Murnizam mengucapkan terima kasih kepada No'man kerana memilih UMSKAL sebagai tuan rumah

iLEAP Siri Ke-7.

Katanya, kehadiran pegawai kanan UMS itu membolehkan mereka melihat sendiri pembangunan kampus itu sejak ia mula beroperasi pada 1999.

"Kehadiran pegawai kanan UMS juga mampu membantu menjana ekonomi dan merencanakan industri pelancongan Wilayah Persekutuan Labuan," katanya.